

01/06/2000

Perodua lelong Kenari dalam Internet mulai hari ini

SUBANG, Rabu - Kenari, model terbaru kereta nasional keluaran Perusahaan Otomobil Kedua Sdn Bhd (Perodua), akan dilelong kepada orang ramai menerusi Internet selama sembilan hari, mulai esok.

Pengarah Urusannya, Datuk Ab Rahman Omar, berkata orang ramai boleh melayari laman web Perodua di www.perodua.com.my/kenari untuk meletakkan harga tawaran masing-masing mulai jam 9 pagi esok, sehingga jam 12 tengah hari 9 Jun ini.

Beliau berkata, harga permulaan untuk lelongan kereta berkenaan ditetapkan pada RM40,000 dengan Perodua berharap ia akan mencapai harga sekurang-kurangnya RM100,000.

"Orang ramai boleh menjadi sebahagian daripada sejarah dengan membeli model pertama Kenari... pemenangnya akan menerima kunci untuk kereta berkenaan daripada Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad pada 14 Jun ini," katanya pada sidang akhbar di sini, petang ini.

Perodua Kenari adalah van pelbagai guna (MPV) pertama negara, dengan tiga versi - 1 liter standard (EX), 1 liter deluxe (GX) dan 1 liter automatik (EZ) - dengan harga jualan antara RM37,000 hingga RM40,000.

Bagi proses e-lelong ini, Perodua menawarkan versi khas Kenari dengan kerusi kulit, warna khas dan nombor plet istimewa, WHP9.

Ab Rahman berkata, proses e-lelong ini adalah yang pertama membabitkan penjualan kenderaan di negara ini, dengan hasil jualan akan disumbangkan kepada Badan Amal dan Kebajikan Tenaga Isteri-Isteri Menteri dan Timbalan Menteri (Bakti) yang dinaungi isteri Perdana Menteri, Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali.

Selain kereta khas berkenaan, beliau berkata, Perodua turut menyumbang tiga kereta Kenari untuk Bakti, dengan jumlah keseluruhan empat kenderaan membabitkan RM160,000.

Bagi memudahkan orang ramai mengetahui perkembangan terkini berhubung proses lelong itu, Perodua akan menggunakan media massa cetak dan elektronik untuk membuat pengumuman tawaran terkini.

Media massa yang terbabit ialah akhbar The Star, stesen televisyen NTV7; dan stesen radio Astro, HitzFM, MyFM dan Era.

Orang ramai yang berminat boleh melayari laman web Perodua untuk melihat imbasan model Kenari, yang akan dilancarkan secara rasminya pada 14 Jun ini.

(END)